

11/10/2002

Kerjasama serantau bukti Asean+3 penting

PETALING JAYA, Khamis - Pengiktirafan pasaran terhadap kerjasama serantau membuktikan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) atau Asean+3 semakin diperlukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, potensi itu jelas apabila pertumbuhan bagi negara di Asia Timur datang daripada perdagangan di rantau ini ketika ekonomi Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU) tidak begitu menggalakkan separuh pertama tahun ini.

"Ini menunjukkan kejayaan masa depan negara Asia Timur akan terpaksa bergantung kepada diri mereka sendiri," katanya ketika menyampaikan ucapan pada seminar kebangsaan 'Belajar dari Korea' di sini hari ini.

Beliau berkata, sambutan dingin kepada Asean + 3 (Jepun, Korea dan China) atau EAEG ketika diilhamkan 10 tahun lalu, kini sudah berubah.

Asean+3 mempunyai sumber manusia yang banyak dengan kira-kira 1.9 bilion penduduk berbanding Eropah mempunyai 590 juta dan Amerika Utara 400 juta penduduk.

"Dari segi agihan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global, ekonomi Asia Timur menyumbang 20 peratus pada 1999 dan dijangka mencecah 30 peratus menjelang 2020. Ini adalah pasaran yang kita perlu sertai," katanya.

Dr Mahathir berkata, Asia Timur mesti mengurangkan pergantungan eksportnya di luar rantau dan mengasaskan pertumbuhan ekonominya lebih kukuh kepada permintaan domestik dan serantau.

Sumber penting untuk merangsang permintaan serantau dan pengurangan halangan kepada pergerakan merentasi sempadan dan menyatukan pasaran serantau yang lama berpecah.

Katanya, usaha dalam negara untuk menggerakkan pertumbuhan, kadangkala tidak memadai dan ia mesti ditambah melalui rantaian ekonomi sejagat.